

# Nasihat PM kepada peniaga Cina

KOTA KINABALU, Rabu — Ahli perniagaan Cina dinasihatkan supaya tidak membeli lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh kerajaan kepada peniaga Bumiputera, sebaliknya membantu mereka sebagai rakan kongsi dengan penuh keikhlasan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerjasama antara kedua-dua pihak bukan saja dalam bidang politik, tetapi juga di bidang perniagaan.

"Sebagai ahli perniagaan yang sudah maju, peniaga bukan Bumiputera mempunyai pengalaman dan matang dalam bidang itu dan mereka perlu membantu peniaga Bumiputera bagaimana cara untuk maju dalam bidang itu.

"Suruh mereka bekerja kuat dan tunjuk bagaimana nak tahu dalam selok-belok perniagaan, bukannya beli lesen mereka dan suruh peniaga Bumiputera tidur," katanya ketika menghadiri majlis makan malam anjuran Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah (DPBS) dan Gabungan Dewan Perniagaan Tionghua Sabah (DPTS) di sini, malam ini.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah; Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan dan isterinya, Datin Genevieve; Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Sabah, Tun Datu Haji Mustapha Datu Harun; Yang Dipertua DPBS, Encik Musa Haji Aman; Presiden DPTS, Datuk Mohd Sari Nuar; menteri-menteri Kabinet negeri dan pegawai kanan Jabatan Persekutuan dan negeri.

Menurut Perdana Menteri, kerjasama yang diberikan tidak setakat kerjasama, tetapi hendaklah dalam erti kata sebenarnya supaya peniaga Bumiputera menjadi pandai dan setanding dengan rakan bukan Bumiputera mereka.

"Kalau peniaga Bumiputera kaya... bukan Bumiputera tidak akan rugi dan menjadi miskin dan kalau Bumiputera yang miskin... peniaga bukan Bumiputera juga yang susah sebab tak ada orang nak beli barang mereka," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta peniaga Bumiputera juga sedar akan hakikat ini dan berusaha bersungguh-sungguh menimba ilmu daripada bukan Bumiputera untuk mencapai kejayaan dalam bidang perniagaan.